



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

PERHIMPUNAN KORPORAT SIRI 1/2020

TARIKH / MASA / TEMPAT

03 MAC 2020 (SELASA)

8.30 PAGI

MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli Majlis- Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Puan Ir Hjh Rosnani Binti Mahmud

Setiausaha Bandaraya MPSP

Ketua-Ketua Jabatan dan Penolong Pengarah

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berhahagia Datin Hajah Che Limah Binti Haji Ujang

Pengerusi PUSPANITA MBSP

Enci Mohd. Tahir bin Othman

Pengerusi ANULAE Seberang Perai

Encik Mat Nasir bin Hassan

Naib Yang Dipertua PESUKA

Encik Mohamad Nizam bin Md Shariff

Yang Dipertua PERMAI

Puan Latifah binti Razali

Pengerusi KOSPEMA

Jurubahasa Isyarat

Rakan-rakan Media

Seluruh Kakitangan MBSP

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmatnya, dapat kita berkumpul pada pagi yang indah ini bersama-sama dengan Ahli-Ahli Majlis, Puan Setiausaha Bandaraya, wakil-wakil persatuan, Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan, warga kerja MBSP dan semua Wira Oren MBSP.

Saya ingin mengambil kesempatan dalam Perhimpunan Korporat 1/2020 yang diadakan pada pagi ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) tahun 2019. Seramai 293 kakitangan menunjukkan prestasi yang cemerlang berbanding 232 pada tahun 2018, peningkatan sebanyak 26% dan adalah merupakan bilangan penerima APC yang tertinggi dalam sejarah Majlis Bandaraya Seberang Perai. Mengikut kumpulan perkhidmatan, seramai **21** orang kakitangan daripada Kumpulan Pengurusan Dan Profesional, **168** orang daripada Kumpulan Sokongan 1 dan **104** adalah daripada Kumpulan Sokongan 2. Peningkatan penerima APC 2019 berlaku dalam setiap kumpulan dan tidak ada kumpulan yang dikurangkan. Walau bagaimanapun, bagi yang tidak berjaya untuk

menerima APC pada tahun ini, jangan mudah berputus asa, kekalkan prestasi cemerlang, insyaallah akan beroleh juga satu hari nanti.

Saya merasa amat berbangga kerana mempunyai warga kerja MBSP dan komuniti yang inklusif, responsif dan kreatif yang membolehkan Seberang Perai merangkul (12) anugerah sepanjang tahun 2019, pemegang enam (6) *Malaysia Book Of Records*, melaksanakan tujuh (7) persijilan pengurusan serentak mengikut standard ISO, mencapai kadar kitar semula 51.64% pada tahun 2019, yang tertinggi di Malaysia, dianugerahkan Sijil Bersih pengurusan Kewangan selama 18 tahun berturut-turut oleh Akauntan Negara Malaysia, mencapai penarafan lima (5) bintang dalam Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan menjadi bandar raya terbesar di Malaysia pada 16 September 2019.

Penutup tahun 2019 SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah menganugerahkan Anugerah Kualiti SIRIM pada 8 November 2019 yang merupakan anugerah pengurusan yang berprestij secara tidak langsung membuktikan MBSP adalah satu organisasi yang unggul dan sentiasa relevan kepada masyarakat Seberang Perai. Pengiktirafan ini sebaris dengan Syarikat Averex Technology Sdn. Bhd. dalam kategori SME dan Syarikat Teleplan Technology Services Sdn. Bhd. dalam kategori *Large Corporation*.

Justeru pada tahun ini kami menghadapi masalah untuk memilih penerima APC, kerana anda kesemuanya layak diberi APC. Andalah sebenarnya wira-wira yang yang mengharumkan Seberang Perai di persada kebangsaan dan antarabangsa.

Pagi ini juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada 42 kakitangan yang bersara pada tahun 2019 dan akan mula bersara pada tahun 2020 diantaranya Encik Mohd Puad bin Hamid, Pengarah Perkhidmatan Perbandaran yang akan bersara pada 30 April 2020 dan Encik Mohd Tahir Bin Othman, Pengerusi ANULAE yang akan bersara pada 13 Mac 2020. Jasa dan sumbangan anda tidak dapat di balas dan hanya Allah yang dapat membalasnya.

Ahli-Ahli Majlis, Puan Setiausaha Bandaraya, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Saya juga ingin memaklumkan bahawa mulai 1 Mac 2020 Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin, Ketua Jabatan Pengurusan Krisis telah ditukarkan ke Jabatan Perkhidmatan Perbandaran untuk memangku jawatan Pengarah Perkhidmatan Perbandaran manakala Encik Mohammad Aidil bin Samsuri, Penolong Pengarah Perkhidmatan

Perbandaran telah ditukarkan ke Jabatan Pengurusan Krisis untuk memegang jawatan Ketua Jabatan Pengurusan Krisis. Disamping itu dalam usaha meningkatkan tahap kebersihan dan penjenamaan semula MBSP setelah menjadi bandar raya, MBSP akan menambah sebanyak **309** orang lagi Wira Oren pada tahun 2020.

MBSP juga akan menambah bilangan kenderaan pembersihan sebanyak **97** unit seperti *compactor* **21** unit, *sky lift* **8** unit, *grabber* **12** unit, jentera *back hoe* **7** unit dan lain-lain. MBSP juga telah menaikkan pangkat **3** orang Wira Oren dan **15** orang dari berbagai jawatan.

Ahli-Ahli Majlis, Puan Setiausaha Bandaraya, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Pada tanggal 21 Februari 2020 yang lalu, MBSP telah melakar sejarah dengan membuat Penjenamaan semula Pasukan Polis Bantuan MBSP. Seramai **2** orang pegawai dan **18** anggota Polis Bantuan MBSP telah dianugerahkan Pingat Kebaktian buat julung-julung kalinya dan MBSP merupakan PBT pertama dimana Polis Bantuannya diberi penghormatan menerima Pingat Kebaktian. Majlis Penganugerahan Pingat Kebaktian ini dipakaikan sendiri oleh Yang Dihormati Pesuruhjaya Polis (CP) Dato' Narenasegaran Thangaveloo, Ketua Polis Pulau Pinang.

Selain daripada itu pada 15 Mac 2019 Pegawai dan anggota Polis Bantuan MBSP telah diberi pemakaian pangkat iaitu melibatkan seorang Penolong Penguasa Polis (ASP), seorang Inspektor, seorang Sarjan Mejar, **4 orang Sarjan, 4 orang Koperal dan 4 orang Lans Koperal.**

Manakala Direktorat Penguatkuasaan telah menerima **3** orang pegawai baru iaitu Encik Khairul Azhar bin Ramli, Encik Amirul Ariff bin Abdul Rahman dan Encik Mohd Firdaus bin Ghosni yang melapor diri pada 3 Februari 2020.

Justeru wajarlah peranan Polis Bantuan dan Direktorat Penguatkuasaan diperluaskan untuk melakukan kerja-kerja penyuraian trafik semasa puncak di lokasi-lokasi tertentu yang tidak dikawal oleh anggota trafik PDRM. Polis Bantuan dan Direktorat Penguatkuasaan perlu diberi tugas memeriksa kenderaan-kenderaan yang disyaki membawa sampah yang akan dibuang di lokasi haram yang mengganggu kesihatan penduduk. Polis Bantuan dan Direktorat Penguatkuasaan hendaklah membuat rondaan semasa acara-acara diadakan supaya penduduk merasa selamat. Polis Bantuan dan Direktorat Penguatkuasaan juga hendaklah meningkatkan peranan dalam memantau keselamatan aset MBSP yang bernilai RM 1.3 billion daripada pencerobohan, kehilangan, kerosakan, vandalisme dan sebagainya.

Seiring dengan usaha penjenamaan, Polis Bantuan hendaklah mengekalkan disiplin kepolisian yang tinggi, mempunyai pengetahuan dan jati diri yang tinggi. Pelbagai kursus telah dihadiri oleh Polis Bantuan iaitu Kursus Asas Polis Bantuan selama 9 minggu di Pusat Latihan Polis (Pegawai dan Anggota), Kursus Kejurulatihan Kawad, Kursus Kejurulatihan Seni Mempertahankan Diri & Pengendalian T-Baton, Kursus Jurulatih Jasmani & Kecergasan, Kursus Trafik & Lalulintas, Kursus siasatan dalaman serta mewakili MBSP ke seminar rasmi Persatuan Polis Bantuan Malaysia (MAPA).

Saya juga berasa amat bangga dengan Jurulatih dan anggota Penguatkuasa Direktorat Penguatkuasaan yang telah memberi persembahan Seni Mempertahankan Diri & T-Baton yang mantap setaraf dengan PDRM dan mendapat pujian Ketua Polis Pulau Pinang pada hari tersebut. Syabas dan tahniah kepada Pengarah Direktorat Penguatkuasaan dan team beliau.

Ahli-Ahli Majlis, Puan Setiausaha Bandaraya, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Di peringkat antarabangsa, Seberang Perai telah disenaraikan sebagai 10 Bandar Raya terbaik di Rantau Asia dan antara 100 bandar raya terbaik di peringkat dunia dalam pencapaian pengurangan penghasilan karbon oleh *Carbon Disclosure Project* (CDP) yang berpangkalan di United Kingdom pada 1 November 2019. Pengiktirafan di peringkat antarabangsa ini menjadikan MBSP diiktiraf sebagai pemimpin global dalam menangani perubahan iklim dengan mencapai tempat dalam senarai A- CDP.

Ia juga menjadi kayu ukur bahawa Seberang Perai menunjukkan kepimpinan dalam ketelusan, menyesuaikan diri serta bersiap sedia untuk menghadapi kesan krisis perubahan iklim. Sebanyak 105 bandar raya di seluruh dunia telah disenaraikan dalam '*A-List City*' pada 2019 berbanding hanya 43 bandar raya pada tahun sebelumnya.

Seberang Perai telah berjaya mengurangkan 16.5 peratus pelepasan karbon per kapita pada tahun 2019 dengan bacaan 6.88 tan karbon dioksida seorang berbanding 2015 (8.24 tan). Secara kumulatifnya, Seberang Perai berjaya mengurangkan sebanyak 10.44 juta tan karbon dioksida bagi tempoh antara 2010 hingga 2019.

Ahli-Ahli Majlis, Puan Setiausaha Bandaraya, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Di dalam persidangan *10th World Urban Forum* pada 8 hingga 13 Februari 2020 di Abu Dhabi, UAE yang dihadiri oleh saya dan pegawai-pegawai kanan MBSP, MBSP telah diiktiraf antara bandar raya di dunia, selain daripada New York, Helsinki, Tokyo dan Taipei, yang telah berjaya membentangkan *Voluntary Local Review* berkenaan pelaksanaan 17 *Sustainable Development Goals* (SDGs) di Seberang Perai. Seberang Perai telah berjaya melaksanakan kesemua 17 SDGs di peringkat tempatan dan telah menjadikannya satu kenyataan kepada masyarakat, isi rumah dan individu.

Pencapaian besar ini bukanlah kebetulan tetapi hasil daripada perancangan yang rapi diikuti dengan tindakan yang jitu kemudiannya mendapat restu Allah S.W.T. Tuhan yang Maha Esa.

Ahli-Ahli Majlis, Puan Setiausaha Bandaraya, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

MBSP sentiasa menyokong dasar-dasar yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan saya menyeru semua kakitangan MBSP sentiasa mengamalkan profesionalisme yang tinggi, melaksanakan tugas tanpa berbelah bagi demi meningkatkan kualiti hidup penduduk Seberang Perai dan menjayakan Wawasan *Penang2030* dan Visi MBSP iaitu Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi (*Seberang Perai Resilient, Inclusive, Green, Competitive and Technology Driven Smart City*).

Dengan ini, saya sudahi dengan ***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

Sekian, terima kasih.